

Tarikh :

SERAHAN TANGAN/ POS BERDAFTAR

NAMA PELANGGAN (NO PENDAFTARAN)

ALAMAT PELANGGAN

Tuan/Puan,

TAWARAN PENSTRUKTURAN SEMULA PEMBIAYAAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19 DI BAWAH SME RELIEF PROGRAMME (SRP) OLEH SMALL MEDIUM ENTERPRISE DEVELOPMENT BANK MALAYSIA BERHAD ('SME BANK')

Merujuk kepada pengumuman moratorium oleh Bank Negara Malaysia sebagai langkah untuk menangani impak kewangan akibat pandemik Covid-19 (**Moratorium**).

2. Susulan tempoh Moratorium yang akan tamat pada September 2020, bagi tujuan membantu meringankan beban kewangan pelanggan, SME Bank ingin menawarkan penstrukturan semula kemudahan pembiayaan Tuan/Puan dengan terma-terma pindaan pembiayaan seperti **Lampiran 1** surat ini (**'Penstrukturan'**).
3. Penstrukturan ini hendaklah berkuat kuasa bermula dari Oktober 2020 yang mana:
 - (a) Tempoh kemudahan pembiayaan Tuan/Puan akan dilanjutkan seperti di **Lampiran 1**; dan
 - (b) Jumlah keberhutangan Tuan/Puan di bawah kemudahan pembiayaan mungkin akan bertambah.
4. Sila rujuk laman web SME Bank untuk terma-terma dan syarat-syarat penuh Tawaran di [<https://www.smebank.com.my/en/sme-relief-plan>]. Tuan/Puan juga boleh mengunjungi mana-mana cawangan SME Bank untuk mendapatkan terma-terma tersebut daripada SME Bank.
5. Tuan/Puan mempunyai tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ni (**'Tempoh Tersebut'**) untuk memberi sebarang maklum balas. Sekiranya tiada sebarang maklum balas dalam Tempoh Tersebut, Tuan/Puan dianggap telah menerima Penstrukturan ini / Penstrukturan ini hendaklah dianggap sebagai muktamad dan tidak boleh dipertikaikan di antara Tuan/Puan dan SME Bank.
6. Walau bagaimanapun, untuk **kemudahan pembiayaan Ijarah / Ijarah Thummal Bai/ Sewa Beli**, Pegawai Perhubungan SME Bank (RM) akan menghubungi Tuan/Puan untuk proses seterusnya bagi melengkapkan penerimaan. Tuan/Puan juga boleh mengunjungi mana-mana cawangan SME Bank untuk menandatangani dokumen bagi tujuan yang sama.
7. Sekiranya Tuan/Puan **Tidak Bersetuju** untuk menerima Penstrukturan ini, sila lawati halaman web SME Bank di <https://www.smebank.com.my/srp-decline> dalam Tempoh Tersebut untuk mengesahkan penolakan Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

(Surat ini dikeluarkan melalui komputer dan tidak memerlukan tandatangan)